

SEKILAS PANDANG MENGENAI MURTAD

Murtad Qawli :

- Melalui ucapan dan perkataan
 - Contohnya seorang Islam apabila mengingkari kewajipan berzakat, berpuasa, bersembahyang lima waktu, menunaikan haji dan lain-lain.

Murtad fi'li :

- Melalui perbuatan dan tingkah laku
 - Contoh Menyembah selain Allah

Murtad l'tiqadi :

- Melalui akidah kepercayaan atau niat
 - Contoh: Seseorang Islam mengingkari di dalam hatinya mengenai kebenaran ajaran Islam seperti dia yakin ajaran Islam sama sahaja dengan ajaran agama lain.

MURTAD

Seseorang Islam yang keluar daripada agama Islam atau seseorang kembali kepada kekufuran setelah menerima Islam. Kufur itu termasuk dengan niat, atau ucapan atau perbuatannya samada secara gurauan, ucapan atau i'tikad.

Firman Allah SWT

Maksudnya:

“ Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain) , maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar. ”

(Surah Al-Nisa' :48)

Sabda Nabi S.A.W:

Dosa besar yang paling besar, adalah menyekutukan (sesuatu) kepada Allah.

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

FAKTOR PENYUMBANG MASALAH MURTAD

Perkahwinan

- Akibat percintaan sanggup menganut agama lain demi pasangannya.
- Bercerai apabila ditinggalkan oleh pasangan Islam yang tidak bertanggungjawab.

Pendidikan

- Kurang tanggungjawab diri untuk mendalami ilmu agama.
- Ibu bapa tidak ambil peduli dalam mendidik anak - anak mengenai didikan agama yang sempurna.

Sosiobudaya

- Kelemahan sikap umat Islam yang tidak prihatin terhadap golongan saudara baru.
- Penyebaran Dakyah-dakyah yang disebarkan oleh agama lain.

Ekonomi

- Pujukan atau penyelesaian masalah ekonomi oleh pendakwah-pendakwah agama lain.
- Sesetengah individu (Islam) yang dihipit dengan kesempitan hidup memilih jalan untuk keluar dari agama Islam (murtad)
- Kesempitan hidup golongan muafiq juga mendorong memohon bantuan daripada badan-badan bukan Islam.

JHEAINS


JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN



MURTAD

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN
(BAHAGIAN PENGUATKUASAAN)

Pusat Dakwah Islamiah, Jalan Paroi Senawang,
70400 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-6771890 / 1891 | Fax: 06-6771802
email: pkuasaan.jheains@ns.gov.my



PERBUATAN SYIRIK MENJURUS KEPADA PERBUATAN MURTAD

Jenis syirik ada enam jenis :

1. Syirik Istiqlal : menetapkan kewujudan dua tuhan atau lebih secara berlainan seperti kepercayaan majusi yang menyembah Ahura Mazda dan Angra Mainyu.
2. Syirik Tab'id : menggabungkan kewujudan tuhan daripada beberapa individu seperti akidah trinititi dalam agama Kristian.
3. Syirik Taqrib : beribadah kepada sesuatu selain daripada Allah SWT untuk mendekati diri kepada-Nya seperti menyembah malaikat , bulan bintang dan matahari dengan niat untuk mendekati diri kepada Allah SWT.
4. Syirik Taqlid : Beribadah kepada Allah kerana mengikut orang lain.

Firman Allah :

Demikian juga ketika Kami mengutus seorang pemberi peringatan sebelum engkau (Nabi Muhammad) ke suatu negeri. Orang - orang yang hidup mewah (di negeri itu) selalu berkata , " Sesungguhnya kami mendapati nenek moyang kami menganut suatu (agama) dan kami hanya mencontohi jejak mereka.

(Surah Al-Zukhruf : 23)

5. Syirik Asbab : menyandarkan satu kesan terhadap sebab tertentu yang bersifat adat seperti keyakinan bahawa manusia kenyang disebabkan oleh makanan, bukan kerana Allah yang mengenyangkan.
6. Syirik Aghrad : Beramal untuk mendapatkan pujian dan penghargaan manusia, Contohnya, seseorang yang melakukan ibadah supaya dipuji oleh manusia.

PROSEDUR TAUBAT BAGI PERMOHONAN KELUAR AGAMA ISLAM

Penguatkuasaan Murtad Di Negeri Sembilan

- Mahkamah Tinggi Syariah menangguhkan pendengaran kes selama 90 hari.
- Pemohon akan diserahkan kepada pihak Jabatan Mufti untuk menjalani sesi runding cara dan bimbingan bagi memberi peluang kepada pemohon.

Proses Taubat di Negeri Sembilan

- Mahkamah memerintahkan pemohon murtad untuk menjalani proses kaunseling dan bimbingan akidah bagi tempoh yang diputuskan oleh mahkamah.
- Proses rundingcara dan bimbingan akidah dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Undang-undang.
- Pemohon yang bertaubat akan dibawa ke Mahkamah untuk proses rakaman pengisytiharan taubat menurut undang-undang.

ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN

Seksyen 48. Mendakwa sebagai bukan Islam

Hukuman : Denda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali

Seksyen 73. Menjual atau memberi anak kepada bukan Islam

Hukuman : Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN BERKAITAN MURTAD

Seksyen 119. Keluar daripada Agama Islam

Seseorang Islam tidak boleh keluar daripada Agama Islam atau disifatkan telah meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya melainkan jika dan sehingga dia telah memperoleh suatu perisytiharan bagi maksud itu daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

ENAKMEN UNDANG - UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SEMBILAN BERKAITAN MURTAD

Seksyen 131. Percubaan menjadi murtad untuk membatalkan perkahwinan

Hukuman : Penjara tidak melebihi satu tahun